



“BERDAKWAH SATU KEWAJIPAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Muslimin yang dirahmati Allah swt ,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala titah perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita dikurniakan hidayah oleh Allah SWT dan segala amal ibadat kita diterima di sisiNya sebagai bekalan untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dakwah adalah satu wasilah untuk menyampaikan ajaran Allah kepada umat manusia. Ia merupakan tugas utama para rasul walaupun menempuh pelbagai halangan dan rintangan dalam menyampaikan risalah Islam. Mereka melaksanakan tanggungjawab ini tanpa rasa jemu, kecewa dan putus asa.

Apakah makna dakwah? Dakwah secara umumnya bermaksud menyeru, mengajak, memujuk, mentarbiyah, mendidik, melatih dan memimpin orang yang diseru agar mengakui dan menerima kebenaran risalah Allah. Ia juga merangkumi perkara berkaitan ibadah kepada Allah, hubungan sesama manusia dan alam serta seruan amar makruf nahi mungkar. Melalui dakwah kita dapat melihat keberkesanan, kesyumulan dan kesempurnaan Islam dalam memandu dan memberi hidayah kepada manusia hingga hari kiamat. Allah Taala berfirman dalam surah Al-Maidah ayat 3:



الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا...

"Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepadamu, dan aku telah redhakan Islam menjadi agama kamu,"

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah S.W.T

Sesungguhnya tugas dakwah adalah kewajipan setiap orang Islam. Ianya menjadi penting demi memelihara kesucian dan kemuliaan ajaran Islam. Namun Islam menggariskan prinsip-prinsip asas dalam berdakwah berteraskan firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125:

ص

آدُعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ
وَجَدِلُهُم بِالْتِقْيَةِ هِيَ أَحَسْنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ
ص

"Serulah ke jalan Tuhanmu(wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka(orang yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk"



Melalui ayat ini diterangkan tiga prinsip utama dalam melaksanakan tugasan dakwah iaitu:

1. Al Hikmah(kebijaksanaan).

Para daie perlu memiliki kebijaksaaan dan berhikmah dalam menyampaikan dakwah. Mereka juga hendaklah memiliki ilmu Islam yang mantap, kefahaman yang mendalam, berkemahiran tinggi dan penghayatan ajaran Islam yang kukuh. Ia sebagai bekalan berharga kerana rintangan semasa hari ini merupakan senario halangan yang perlu ditempuh oleh para daie seperti dunia tanpa sempadan, tekanan hidup dan masa yang terbatas.

2. Al Mauizatul Hasanah(kata nasihat yang baik)

Ia merupakan pendekatan terbaik untuk membangkitkan kesedaran yang berkesan dalam kehidupan. Maka ia perlu diterapkan dalam diri para daie sifat-sifat mahmudah seperti bertutur kata dengan baik dan bersopan santun, bersikap sebagai sahabat, sentiasa mesra dan bersikap tolak ansur.

3. Al Mujadalah(berbahas dengan cara yang baik)

Kaedah ini merupakan satu cara yang sihat dalam memantapkan ilmu dan perbahasan mencari kebenaran. Elakkan perbahasan dalam masalah agama yang hanya menjurus kepada kepuasan hati dan perasaan kerana ia akan jauh dari kebenaran dan keredhaan Allah sebagaimana dituntut dalam matlamat dakwah.



Hakikatnya dakwah mampu merubah pemikiran dan kesedaran jiwa, agar jiwa yang keras menjadi lembut, nafsu yang buas berjaya dijinakkan dan hati yang degil akan tunduk dan patuh kepada perintah Allah.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Dalam mencari individu contoh yang mempunyai ciri-ciri pendakwah hebat seperti yang disebut tadi, maka sudah pasti kita akan merujuk kepada baginda Rasulullah SAW. Mengambil satu kisah bagaimana baginda yang sentiasa istiqamah dan penyabar telah memberi makan dan minum kepada seorang pengemis yahudi yang buta. Setiap kali disuapkan makanan oleh baginda ia akan menyumpah seranah nabi Muhammad dengan kata-kata nista tanpa mengetahui insan yang sedang menuapkan makanan itu adalah manusia yang dikehjinya. Baginda Rasulullah SAW berterusan menuapkan makanan hingga baginda wafat. Tugas itu kemudian digalas oleh Saidina Abu Bakar. Namun pengemis yahudi terasa kelainan dalam suapan seperti kebiasaan yang ia terima. Lalu dikhabarkan oleh saidina Abu Bakar bahawa insan yang menuapkannya selama ini adalah Nabi Muhammad SAW yang telah wafat. Betapa ia mendengar perkhabaran itu luluhlah hatinya, menyesallah ia kerana caci nista selama ini. Tidak disangkanya insan yang dibenci, dikutuk, dimaki hamun, dicerca adalah orang yang telah berbuat baik dan bersikap ihsan kepadanya. Pada akhirnya wanita yahudi itu telah memeluk Islam.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah

Saluran dakwah kini bukan sahaja tertakluk kepada lisan(pertuturan) atau tulisan tetapi mencakupi dakwah dengan amalan da contoh perbuatan yang dinamakan dakwah bil hal. Dakwah juga tidak semestinya disampaikan



di masjid dan surau tetapi tempat-tempat yang menjadi tumpuan yang tidak melanggar batas syarak. Dakwah masa kini melalui internet perlu diberi tumpuan kerana ia mempunyai bilangan pengguna dan peminat yang tinggi. Lebih menarik lagi ia digemari oleh golongan remaja dan belia yang sudah dijangka sukar mengikuti program agama secara formal seperti di masjid atau surau. Kemampuan menguasai teknologi ini akan menyebabkan pembangunan dakwah Islamiah menjadi lebih dinamik, tersebar dengan meluas dan mudah diterima oleh masyarakat sejagat.

Satu lagi pendekatan dakwah yang cukup berkesan dewasa ini adalah melalui seni. Semua sedia maklum setiap insan gemarkan hiburan seni samada muzik, drama atau filem. Sesungguhnya Islam mengharuskan hiburan namun ianya hendaklah tidak melanggar batas-batas syarak dan melalaikan.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Marilah kita melaksanakan misi dakwah yang menjadi tanggungjawab semua insan. Kita laksanakannya berdasarkan kemampuan yang ada. Sekiranya kita mahir IT maka gunakanlah kemahiran itu untuk menyeru manusia kepada Islam. Gunakanlah laman social dan internet sebagai satu medan untuk menyebarkan risalah Islam.

Pendekatan dakwah bil hal perlu diperluaskan lagi . Menjaga akhlak dan berperibadi mulia untuk menjadi cerminan kepada masyarakat adalah merupakan antara pendekatan dakwah secara bil hal yang mudah dilakukan.

Para pendakwah pula hendaklah keluar dari kepompong zon selesa. Mari kita turun ke lapangan dakwah menyantuni dan membajai jiwa-jiwa yang



kontang dan lemah iman yang terlibat dengan gejala negatif agar kembali kepada ajaran dan penghayatan Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرَجْتَ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَلَوْلَا إِيمَانَكُمْ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا
لَّهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِقُونَ

"Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang Yang fasik."

(Al-Imran : 110)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ، هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةَ أَنْ تَحْفَظَ
بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engku redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng seperti syiah dan sesat seperti Qadyani serta lain-lain fahaman.



Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.